

U 8324 DEB

BN - PILIHAN RAYA R R R

KUALA LUMPUR, 9 APRIL (BERNAMA) -- PILIHAN RAYA NEGERI SABAH PADA 5 DAN 6 MEI AKAN BERLANGSUNG SECARA TERBUKA ANTARA SEMUA PARTI KERANA ITU SAHAJA CARA UNTUK MENENTUKAN SIAPA AKAN MEMERINTAH NEGERI ITU, KATA Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, BN tidak akan lagi campur tangan dalam isu pergolakan politik Sabah sehingga sesuatu keputusan dicapai dalam pilihan raya itu.

Ketika bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi BN di Menara Datuk Onn di Kompleks UMNO di sini, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan persekutuan akan menentukan pilihan raya itu berjalan dengan cara yang adil dan saksama.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Perdana Menteri, menegaskan pilihan raya yang akan berlangsung nanti tidak akan menjejaskan keselamatan negeri dan rakyat Sabah.

Katanya, Berjaya, wakil tunggal BN di Sabah, akan meletakkan calon di kesemua 43 kawasan Dewan Undangan Negeri itu sebagaimana juga mungkin dilakukan oleh parti-parti lain yang akan bertanding.

-- LAGI

2048MST 09 04 36

U 8327 DEB

BN - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR

Parti Bersatu Sabah (PBS), yang selepas pilihan raya negeri dan beberapa pilihan raya kecil tahun lepas menguasai 28 kerusi, telahpun memutuskan untuk bertanding kesemua kerusi dan ini telahpun ditegaskan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir oleh Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan sendiri dalam pertemuan di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata dengan penarikan balik permohonan PBS untuk menyertai BN, pilihan raya Sabah itu akan menjadi pertandingan terbuka.

Katanya, akibat keputusan PBS itu, falsafah BN iaitu membahagikan kuasa yang adil antara penduduk berbilang kaum di negara ini yang bermatlamat melahirkan kestabilan tidak tercapai setakat ini di negeri itu.

Beliau berkata BN bersedia menerima konsep kerajaan campuran antara Berjaya, USNO dan PBS di Sabah sebagai satu langkah untuk mewujudkan konsep kestabilan itu.

+ TETAPI NAMPAKNYA TIDAK ADA JALAN LAIN YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH BN KE ARAH MATLAMAT KONSEP KESTABILAN SECARA RUNDINGAN. PENYELESAIAN PERGOLAKAN POLITIK SABAH NAMPAKNYA AKAN HANYA DIPUTUSKAN OLEH PILIHAN RAYA. -- LAGI

2117MST 09 04 36

U B331 DEB

BN - PILIHAN RAYA 3 KUALA LUMPUR

-\$+ KAMI CUBA MENGGALAKKAN KONSEP BN IAITU MEMBAHAGI-BAHAGIKAN KUASA -\$TETAPI NAMPAKNYA IA TIDAK DAPAT DITERIMA SEKURANG-KURANGNYA OLEH PBS,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA PERGOLAKAN YANG BERLAKU DI SABAH SEKARANG BUKANNYA SATU PERTIKALAN ANTARA MASYARAKAT ISLAM DAN KRISTIAN TETAPI SEMATA-MATA PERTENTANGAN POLITIK SIAPAKAH YANG AKAN MEMBENTUK KERAJAAN.

SEMASA DITANYA SAMA ADA SATU CARA PENYELESAIAN LAIN DIBUAT KELAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB TIDAK ADA KECUALI PENYELESAIAN MELALUI PROSES PILIHAN RAYA.

MESYUARAT BN HARI INI TIDAK MEMUTUSKAN TINDAKAN SELANJUTNYA SELEPAS PILIHAN RAYA ITU SEBALIKNYA HANYA MEMUTUSKAN APA YANG BERLAKU PADA MASA INI.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA KEADAAN DI SABAH SENTIASA BERUBAH-UBAH DARI MINIT KE MINIT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SETERUSNYA MENEGASKAN KEYAKINANNYA BAHAWA BERJAYA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG MEMUASKAN DALAM PILIHAN RAYA NEGERI SABAH. -- BERNAMA

2148MST 09 04 86